



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 13, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511
Faks : 603-88886188

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1) 30 APRIL 2010

Sehingga jam 8:00 pagi pada 30 April 2010, Kementerian telah menerima sejumlah enam (6) laporan kejadian kluster ILI daripada empat (4) buah negeri seperti di **Lampiran 1**.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 29 April 2010, sejumlah 71 kes disahkan influenza A(H1N1) dilaporkan menjadikan jumlah terkumpul kes adalah 13,673. Jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 587 kes. Daripada jumlah tersebut, 70 kes (11.9%) telah disahkan positif influenza A(H1N1). Bilangan yang dirawat di ICU adalah tujuh (7) kes di mana lima (5) daripadanya mempunyai faktor-faktor risiko.

Kementerian Kesihatan juga telah menerima satu (1) laporan kematian H1N1 pada hari ini. Walau bagaimanapun, penyebab kematiannya adalah **bukan** disebabkan oleh jangkitan H1N1 secara langsung. Ini menjadikan jumlah terkumpul kematian H1N1 sehingga hari ini kekal 81 orang.

Satu kematian yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Seorang lelaki berumur 40 tahun dengan faktor risiko tekanan darah tinggi dan terlibat dengan kemalangan kenderaan seminggu sebelum dimasukkan ke wad. Kes telah dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur pada 26 April 2010 setelah mengalami masalah pernafasan, demam, batuk serta pertuturan yang tidak difahami. Beliau meninggal dunia pada 26 April 2010. Walaupun kes ini disahkan positif jangkitan virus H1N1 melalui ujian PCR, beliau juga mengalami jangkitan kuman bakteria di dalam darah dan menyebabkan kematian akibat komplikasi "*septic shock with multi-organs failure*" oleh jangkitan bakteria dan **bukan** disebabkan oleh virus H1N1 secara langsung.

Kementerian ingin menarik perhatian orang ramai bahawa majoriti kematian yang dikaitkan dengan jangkitan virus H1N1 melibatkan mereka yang mempunyai faktor-faktor risiko seperti asma, diabetes, penyakit buah pinggang, penyakit jantung, penyakit paru-paru, ibu mengandung dan kegemukkan (*morbid obesity*). Mereka ini mudah mengalami komplikasi penyakit sedia ada atau jangkitan bakteria sekunder yang menyebabkan sepsis dan boleh membawa maut. Oleh itu, Kementerian Kesihatan ingin menggesa orang awam yang mempunyai faktor risiko seperti di atas, supaya segera mendapatkan pelalian vaksin H1N1 di 104 fasiliti Kementerian seluruh negara. Maklumat lanjut berkenaan influenza A(H1N1) boleh didapati dengan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 30 April 2010

Senarai Laporan Kejadian Kluster Influenza-Like Illness (ILI) Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Sehingga 8:00 Pagi Pada 30 April 2010

Bil.	Institusi	Bil. terdedah	Bil. Kes ILI di dalam kluster	Keputusan Sampel Positif H1N1	Tindakan diambil
1.	SK Meraga Beris Kijal, Kemaman, Terengganu	281 orang	5 orang	Menunggu keputusan	Semua kes telah diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar
2.	Sekeluarga di No 11 Jln Sg Merbau 32/88 Kota Kemuning, Shah Alam, Selangor	6 orang	3 orang		Semua kes telah diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar dan diisolasi di rumah
3.	Sekeluarga di No 31 Jln Hujan Batu 2 OUG, Kuala Lumpur	7 orang	3 orang	3 sampel positif H1N1	Kesemua kes telah diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar dan diisolasi di rumah.
4.	SJKC Chung Hwa Simanggang, Sarawak	1119 orang	2 orang	Menunggu keputusan	Semua kes telah diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar
5.	Maxis Plaza Centre, Level 9, Blok 1A, Jln Sentral 5, Plaza Sentral, Kuala Lumpur	50 orang	12 orang	1 sampel positif H1N1	2 kes telah diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar.
6.	Taska Ana, Tmn Putra Damai, Lembah Subang, Shah Alam, Selangor	81 orang	3 orang	1 sampel positif H1N1	1 kes telah diberi rawatan antiviral di hospital swasta